
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HMT 222 – SINTAKSIS BAHASA MALAYSIA

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

...2/-

1. Gunakan **DATA A** di bawah ini untuk menjawab soalan [a], [b], dan [c].

DATA A

- (i) Aku segera meninggalkan perempuan sompong itu.
- (ii) Dia sudah berada di dalam kereta.
- (iii) Satu ciuman hinggap di pipi lelaki itu.
- (iv) Ain jatuh hati dengan persekitaran di tadika itu.
- (v) Riak wajahnya menunjukkan bahawa dia baru tersedar akan sesuatu.
- (vi) Dia menunjukkan arah jalan ke tadika itu.
- (vii) Mereka mempamerkan lukisan yang cantik itu kepada orang ramai.
- (viii) Beberapa helai kertas di atas meja berterbangan.
- (ix) Aku yakin suara itu milik lelaki tadi.
- (x) Mata kami bertautan selama beberapa saat.
- (xi) Kedudukannya yang sungguh dekat denganku menyebabkan aku rasa kekok.
- (xii) Kehadiran Kak Zah menyelamatkan keadaanku yang tidak keruan petang itu.
- (xiii) *Sehelai kertas di atas meja berterbangan.
- (xiv) *Saya semeja di majlis makan malam itu.
- (xv) *Ain jatuh hati persekitarannya.
- (xvi) * Dia sudah berada.

- [a] Bagi setiap ayat dari (i) hingga (xii), tentukan kategori sintaksis (FN, FP, FK dll) bagi konstituen yang terdapat di dalamnya dan tentukan **hubungan tatabahasa** bagi setiap **konstituen** tersebut. Gunakan pendekatan Tatabahasa Generatif.

[70 markah]

- [b] Cari **unsur** yang termasuk di dalam **kategori bukan-leksikal** dan senaraikan unsur tersebut, nyatakan **kategori katanya** serta **kategori nahuan** yang diungkapnya.

[22 markah]

- [c] Terdapat masalah sintaksis dalam **ayat (xiii- xvi)**. Bincangkan dan selesaikan masalah tersebut.

[8 markah]

...3/-

2. Jawab soalan [a], [b], dan [c].

[a] Bina ayat yang sesuai dengan kelas kata kerja yang hadir dalam lingkungan seperti yang digambarkan di bawah ini :

- i. K; ____ FADJ
- ii. K; ____ FN_(objek)
- iii. K; ____ FN₁ FN₂
- iv. K; ____ FN FP
- v. K; ____ #
- vi. K; ____ F_(komplemen)
- vii. K; ____ FP
- viii. K; ____ FN_(komplemen)
- ix. K; ____ FI (FP)
- x. K; ____ FKOMP_(adjung)

[30 markah]

[b] Nyatakan **struktur argumen** dan **ciri transitiviti** bagi **LIMA** daripada kata kerja dalam [a].

[20 markah]

[c] Pilih mana-mana **LIMA** ayat yang anda bina dalam [a], berikan representasi bagi setiap ayat tersebut dengan menggunakan kurungan siku berlabel yang lengkap.

[50 markah]

- 4 -

3. Rujuk **DATA B** untuk menjawab soalan [a] hingga [d].

DATA B

- (i) memaksa
- (ii) mengharapkan
- (iii) yang (kata ganti relatif)

- [a] Bina **ayat kompleks** daripada item (i) hingga (iii) dalam data di atas. (Tiga ayat kesemuanya)
[30 markah]
- [b] Cerakinkan setiap ayat dalam [a] kepada klausa-klausanya dan namakan klausa tersebut.
[30 markah]
- [c] Kenal pasti **subjek logikal** yang terdapat dalam [a] dan nyatakan subjek tersebut.
[10 markah]
- [d] Tunjukkan **representasi dalaman dan luaran** bagi setiap ayat dalam [a].
[30 markah]

- 5 -

4. Jawab [a] dan [b].

- [a] Lukis rajah pohon bagi setiap **frasa** dalam **DATA C** dan bulatkan semua kata inti/kepala yang terdapat di dalam rajah pohon tersebut.

DATA C

- i. beberapa helai kertas di atas meja
- ii. tersedar akan sesuatu
- iii. lukisan yang cantik itu
- iv. akan segera meninggalkan tempat itu
- v. tersenyum mendengar pujiannya

[50 markah]

- [b] Huraikan cara ayat dalam **DATA D** di bawah ini dijana daripada struktur dalamannya. Jawapan anda mestilah disertai dengan lakaran rajah pohon.

DATA D

- i. Diam!
- ii. Kenapa Ain tinggalkan Arissa?
- iii. Bekas-bekas ini harus dikembalikan ke rumah Malek sebelum petang.
- iv. Di atas meja, kami letakkan pinggan-pinggan itu.

[50 markah]

...6/-

5. Telitikan **DATA E** di bawah ini, dan jawab soalan [a], [b], dan [c].

DATA E

- (i) *PRO telah menjalankan tugasnya dengan sempurna.
- (ii) * Johan mengejar PRO.
- (iii) *Azie membenarkan PRO berkahwin lagi.
- (iv) *Dia menujukan soalan itu kepada PRO.
- (v) Mingsun cuba PRO belajar sintaksis bahasa Melayu di USM.
- (vi) Kunor mahu PRO membayar hutang puasa selama empat hari berturut-turut.
- (vii) PRO menggunakan telefon bimbit ketika memandu adalah satu kesalahan.

- [a] Perihalkan perkara yang berlaku dalam ayat (i) hingga (vii).

[50 markah]

- [b] Tunjukkan representasi dalaman dan luaran bagi ayat (v) melalui rajah pohon.

[10 markah]

- [c] Jadikan ayat (i) hingga (iv) ayat yang gramatis dan berikan penjelasan tentang kegramatisan ayat-ayat tersebut.

[40 markah]